

# IKS: PM mahu pendekatan lebih teratur

UM - 14/8/2004: 2 Perdana.

**P**UTRAJAYA 13 Ogos — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pendekatan yang lebih teratur dan sistematik dirancang untuk 12 kementerian dan 40 agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) di negara ini.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu untuk memaksimumkan segala sumber yang ada, mengurangkan pembaziran dan mengelakkan pertindihan kerja seterusnya memastikan hasil yang benar-benar efektif dapat dicapai.

"Buat masa ini terdapat 12 kementerian dan 40 agensi kerajaan terlibat dalam pembangunan IKS. Sementara fokus selalunya diberikan terhadap sektor pembuat-

an, lebih tumpuan diperlukan untuk membangunkan IKS dalam sektor-sektor lain bagi mencapai asas pertumbuhan ekonomi lebih luas," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian sebelum mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Pembangunan IKS Kebangsaan di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Majlis tersebut ditubuhkan hasil laporan oleh Bank Negara Malaysia berhubung 'Kerangka Komprehensif Bagi Pembangunan IKS' pada Oktober 2002, dengan matlamat menyediakan hala tuju bagi pembangunan IKS dalam semua sektor ekonomi secara menyeluruh dan teratur.

Menurut Abdullah, tanggungjawab utama majlis itu ialah memantau koordinasi

inisiatif dasar dari pelbagai jabatan kerajaan dan memastikan dasar-dasar itu dilaksanakan dengan berkesan.

Bagi Perdana Menteri, dengan penglibatan sebahagian besar kementerian dan agensi kerajaan dalam pembangunan IKS, pendekatan lebih terancang perlu untuk memastikan kemajuan yang dicapai lebih mapan dan menyeluruh.

Dalam hal ini, beliau mahu lebih tumpuan diberikan untuk membangunkan IKS dalam sektor-sektor lain selain sektor pembuatan bagi mencapai asas pertumbuhan ekonomi yang lebih luas.

Sebagai komponen penting dalam Agenda Ekonomi Nasional, beliau berpendapat IKS bukan sahaja mempunyai matlamat

mempromosikan pertumbuhan sumber tempatan bahkan membawa perniagaan dan perdagangan melangkaui sempadan domestik.

Untuk itu, katanya, IKS perlu membina kapasiti bagi memastikan ia mampu bersaing dalam ekonomi domestik dan di pasaran antarabangsa.

"Dalam hubungan ini, adalah penting bagi kerajaan bersama-sama sektor swasta untuk berusaha memperkuat pembangunan prasarana IKS dalam negara, yang kemudiannya akan menyumbang kepada pembangunan keseluruhan IKS yang sewajarnya," katanya.

Pada mesyuarat hari ini, majlis membincangkan penemuan oleh Jawatankuasa

وقت لسهرينغ

Kuala Lumpur dan kawasan  
sewaktu dengannya

● Subuh 5.53	● Asar 4.39
(Syuruk 7.12)	● Maghrib 7.27
● Zuhur 1.22	● Isyak 8.38

Pemandu Antara Kementerian dan Antara Agensi yang dipengerusikan oleh Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz.

Menurutnya, Majlis Pembangunan IKS Kebangsaan dijangka bermesyuarat dua kali setahun supaya dapat mengikuti kemajuan terkini mengenainya.